

Etiqua Takaful bantu pelajar UMP

KUANTAN: Etiqua Takaful Bhd menyerahkan sumbangan RM70,000 kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi membantu meringankan beban kewangan pelajar kurang berkemampuan meneruskan pengajian mereka.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMP, Prof Dr Badhrulhisham Abdul Aziz, berkata sumbangan itu akan diagihkan kepada pelajar daripada keluarga tidak mempunyai pendapatan tetap, anak yatim piatu, ibu bapa yang kurang upaya dan mempunyai ramai adik-beradik.

"UMP sudah menubuhkan Tabung Zakat bagi mengumpul dana untuk diagihkan kepada pelajar yang memerlukan sejak tiga tahun lalu dengan dana permulaan sebanyak RM30,000.

"Sehingga kini, seramai 273 pelajar menerima wang bantuan daripada dana ini dengan nilai agihan di antara RM200 hingga RM500 mengikut kriteria ditetapkan universiti," katanya.



BADHRULHISHAM (dua dari kanan) bersama Shahril Azuar (kanan) menyerahkan replika cek untuk Tabung Amanah Zakat UMP.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyerahan sumbangan berkenaan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Etiqua Takaful, Shahril Azuar Jimin di sini.

Turut hadir, Ketua Jabatan Agensi Takaful Am, Mohamad Yunus Sood, Pengurus Cawangan Kuantan, Ahmad Jafri Din dan Pengurus Pembangunan Perniagaan, Baharudin

Abdul Wahab.

Sementara itu, Shahril Azuar berkata, program tanggungjawab zakat korporat (CZR) adalah program yang dilaksanakan bersama dengan penempatan anak-anak yatim, miskin serta institusi kebajikan di seluruh negara.

"Program ini adalah aspirasi dan wawasan pihak pengurusan Etiqua Takaful bagi mewujudkan

“Program ini adalah aspirasi dan wawasan pihak pengurusan Etiqua Takaful bagi mewujudkan satu komuniti yang bertanggungjawab dan berdedikasi terhadap masyarakat”

**Shahril Azuar
Jimin**

Ketua Pegawai Eksekutif
Etiqua Takaful

satu komuniti yang bertanggungjawab dan berdedikasi terhadap masyarakat.

"Usaha ini akan dilakukan secara berterusan dalam membantu golongan yang memerlukan bantuan sama ada berbentuk material, kewangan mahupun sokongan moral dalam menjalani kehidupan selain dapat mengeratkan hubungan di kalangan masyarakat setempat," katanya.